

## Perkembangan Jurnal Ilmiah Melayu Dalam Kalangan Melayu Watan

(Development of Scholarship Journals among the Malays)

ROOSFA HASHIM

### ABSTRAK

Makalah ini adalah tinjauan sepintas lalu mengenai perkembangan kesarjanaan dalam kalangan orang Melayu dalam pengajian Melayu. Selari dengan tinjauan bersifat sepintas lalu dan awalan, sumber tinjauan diperoleh daripada jurnal, akhbar, majalah, senarai rujukan pelbagai buku, makalah dan tesis berkait dengan pengajian Melayu. Makalah menganjurkan perkembangan kesarjanaan Melayu dalam kalangan orang Melayu berlaku dalam sekurang-kurangnya dalam empat aspek. Pertama, pertumbuhan pelbagai institusi yang berkaitan dengan pengajian Melayu. Kedua, wacana dalam pelbagai persidangan dan simposium di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ketiga, penyelidikan. Keempat, penerbitan pelbagai karya ilmiah. Tujuan tinjauan ini adalah untuk memberi sedikit-sebanyak gambaran tentang perkembangan kesarjanaan orang Melayu dalam bidang pengajian Melayu.

**Kata kunci:** Kolonial, ilmiah, korpus ilmu, pengajian Melayu dan makalah

### ABSTRACT

This paper is a bird eye view on the development of Malay scholarship in Malay studies. Concordance to its brief, preliminary study, sources of this survey are acquired from journals, newspapers, magazines, list of various books, articles and thesis related to Malay studies. This paper postulates the Malay scholarship evolved out from at least in four major aspects. First, growth of various institutions related to Malay education. Second, discourse in various conferences, both at national and international levels. Third, research. Fourth, publication of various scientific literature. The purpose of this survey is to convey a brief idea on the development of Malay scholarship in the field of Malay studies.

**Key Words:** Colonial, scholarship, corpus of knowledge, Malay studies and article

### Pengenalan

Tidak ada siapa pernah menafikan himpunan ilmu pengetahuan Melayu sudah terbina sejak zaman Hamzah Fansuri, Tun Seri Lanang, Raja Ali Haji, para

mahasiswa institusi pengajian (dari sistem pondok dan Timur Tengah) dan para pelajar dari maktab-maktab perguruan vernakular Melayu. Selanjutnya, pada awal abad ke-20 muncul tokoh-tokoh Penyedar seperti Syed Sheikh Al-Hadi dengan *Al-Imam*, Shiekh Tahir Jalalluddin dan Tok Kenali. Di samping itu, muncul Pondok dan Madrasah. Akumulasi perkembangan-perkembangan ini telah mengembangkan kesarjanaan watan pada tahap cukup penting.

Walau bagaimanapun, perbincangan mengenainya perlulah dibuat dalam wacana lain. Ini kerana makalah ini memberi fokus terhadap perkembangan jurnal pengajian Melayu dalam bentuk kontemporari yang digerakkan oleh para sarjana Melayu watan. Kesarjanaan Melayu dalam konteks diskusi makalah ini adalah dirujuk berasaskan kenyataan oleh Abdul Samad Idris (1977, v):

Menurut hemat saya yang dimaksudkan dengan “kesarjanaan Melayu” itu ialah segala tulisan-tulisan ilmiah dalam sebarang aspek tentang orang Melayu, tentang bahasa, tentang kebudayaan, tentang ekonomi, tentang negeri-negeri Melayu dan yang tidak kurang pentingnya mengenai perjuangan politiknya dan serba-serbi yang menyentuh orang Melayu.

Kesarjanaan Melayu dalam kerangka begini adalah fenomena baru. Ia bukan sahaja dirintis tetapi dikuasai oleh pegawai kolonial semasa mentadbir negara ini. Nama-nama seperti Raffles (1817 dan 1830), Marsden (1810), Howison (1801), Crawford (1819) (sekadar menyebut beberapa) sudah diakui umum oleh para pengkaji sebagai pengasas bidang pengajian Melayu kontemporari itu. Sejak awal abad ke-20 muncul pula nama Swettenham (1884), Shellabear (1902), Wilkinson (1903), Winstedt (1951, 1961 & 1967), Skeat (1900), Rentse (1933 & 1947), Gimblette (1913), Fraser (1960), Braddel (1940), Firth (1974) dan Fraser (1960) (juga sekadar menyebut antaranya). Nama-nama pegawai British ini sudah cukup sinonim dalam hampir kesemua bidang pengajian Melayu, baik bahasa, sejarah, kebudayaan, kesusasteraan, kesultanan mahupun keagamaan, hinggakan batang tubuh ilmu pengetahuan (body of knowledge) pengajian Melayu itu berada di tangan mereka.

Demikian juga perkembangannya dalam bentuk institusi. Menurut Kraatz (2009: 107):

Malay studies only became an academic subject with the establishment of SOAS by Royal Charter in 1916, even if most of its early staff right up to the late 1940s, all of whom, I presume, were men of merit and distinction, were autodidacts as far as Malay studies were concerned.

Penulisan jurnal dalam kalangan anak watan Melayu pada zaman sebelum merdeka tidak banyak berbeza daripada di Indonesia iaitu harus menumbang jurnal yang diusahakan oleh para pegawai kolonial dalam bahasa kolonial.

Makalah ini akan meninjau perkembangan selepas mereka. Ini kerana setakat ini masih belum ada kajian yang khusus mengenai perkembangan sejak era tersebut. Sebelum itu, bagi melengkapkan senario perkembangan penulisan jurnal dalam kalangan orang Melayu, dijelaskan secara sepintas lalu perkembangan penulisan jurnal pada zaman sebelum merdeka di negara ini.

## Pada Zaman Sebelum Merdeka

Himpunan tulisan tentang pertumbuhan dan perkembangan penerbitan jurnal pengajian Melayu pada zaman sebelum merdeka sudah ada, antaranya oleh Khoo Kay Kim (1986), Lim (1975), Md. Sidin Ahmad Ishak (1997), Tiew (1998), Cheeseman (1959) dan Byrd (1991). Di antara tulisan-tulisan ini, tulisan agak komprehensif tentang perkembangan tersebut ialah oleh W. S. Tiew (2000), *Sejarah Penerbitan Jurnal Sejarah Di Malaysia 1846-1966: Satu Tinjauan Awal*.

Daripada semakin literatur, dapatlah diakui jurnal terawal diterbitkan di negara ini ialah *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* pada tahun 1847. Jurnal ini lebih dikenali sebagai *Logan's Journal* sempena nama tokoh pengasasnya iaitu James Richardson Logan, seorang wartawan dan peguam di Negeri-negeri Selat. Makalah-makalah di dalamnya ditulis dalam bahasa Inggeris, tidak ada satu pun berbahasa Melayu, oleh orang Barat. Makalah-makalah tersebut adalah mengenai sejarah, bahasa, antropologi, etnologi (termasuk Orang Asli), sastera, geografi, tumbuh-tumbuhan dan fauna di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Setelah hampir 20 tahun berjalan, penerbitan jurnal ini dihentikan (pada tahun 1863).

Kemudian, pada tahun 1875, muncul *Journal of Eastern Asia*. Selanjutnya, sejak tahun 1878, muncul *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*. Jurnal ini masih diterbitkan sehingga ke hari ini oleh pihak editorial dan nama yang berbeza. Antara tahun 1878 hingga 1922) iaitu disebut dengan nama asalnya—*Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*. Antara tahun 1923 hingga 1962, iaitu disebut dengan nama *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*. Dari tahun 1963 hingga kini ia disebut *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. Jurnal ini lebih dikenali dengan nama akronimnya saja iaitu *JMBRAS*.

Seterusnya, pada tahun 1893 diterbitkan *Perak Museum Notes* oleh Muzium Perak, muzium pertama di negara ini (1883). Jurnal ini juga beberapa kali bertukar nama.

Dari 1893 hingga 1898 ia disebut dengan nama asalnya, *Perak Museum Notes*. Dari tahun 1905 hingga 1941 disebut *Journal of the Federated Malay States Museums*. Dari tahun 1953 hingga 1991 disebut *Federation Museums Journal New Series*. Pada tahun 1997 hingga kini disebut *Malaysia Museums Journal*. Sebuah lagi jurnal yang penting pada zaman tersebut ialah *Sarawak Musuem Journal* (1911).

Sebelum merdeka, semua jurnal berkait dengan pengajian Melayu didominasi oleh pegawai British baik dalam Sidang Pengarang (Editorial Board) mahupun para penulis makalah di dalamnya. Hanya seorang dua orang Melayu yang terlibat di dalamnya.

## Jurnal Ilmiah Pengajian Melayu

Kesarjanaan Melayu dalam kalangan orang Melayu muncul setelah pentadbiran British menubuhkan institusi-institusi pengajian tinggi. Antara yang terawal ialah Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, yang ditubuhkan pada tahun 1921. Di bawahnya ditubuhkan Pejabat Karang Mengarang. Dari situlah muncul beberapa sarjana seperti Za'ba yang menulis dan menyelidiki tentang sosioekonomi, bahasa dan budaya Melayu.

Idea pembaharuan cukup efektif berkembang di situ. Di situlah diterbitkan *Majalah Guru* pada 1 November 1924. Guru-guru Melayu menyuarakan pandangan melalui makalah, rencana dan karya sastera dengan menerbitkannya dalam majalah ini, di samping khabar dan majalah lain untuk menyedarkan rakyat. Antara tokoh-tokoh yang dilahirkan daripada pejabat tersebut ialah Buyong Adil, Sharom Husain, Sidek Saniff dan Muhammad Ariff Ahmad. Tulisan mereka diterbitkan dalam majalah, akhbar dan buku meliputi sejarah, bahasa, pendidikan, seseorang, sastera, kemasyarakatan, politik, geografi, kesenian, budaya dan pembangunan.

Namun demikian, institusi pertama kesarjanaan Melayu di negara ini dianggap dimulai dengan tertubuhnya Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Malaya Singapura.

### Universiti Malaya

Universiti Malaya ditubuhkan pada tahun 1953. Ia bukan saja institusi pengajian tinggi tertua di negara ini tetapi juga universiti tertua yang menerbitkan jurnal ilmu dalam pengajian Melayu. Kedudukan Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya sebagai institusi terawal bagi pengajian Melayu dapat digambarkan dengan kenyataan Muhammad (1977, xiii):

Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, yang ditubuhkan pada tahun 1953 merupakan institusi tertua dalam pengajian Melayu. Sejak itu, tumbuh beberapa institusi lain yang merencanakan lagi pengajian Melayu seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (1956), Universiti Kebangsaan Malaysia (1970) dan universiti-universiti lain yang mempunyai jabatan atau institut yang menyelidiki bidang ini serta persatuan-persatuan professional seperti Persatuan Linguistik Malaysia (PLM), Persatuan penterjemah dan Persatuan Sejarah yang mana hampir kesemua institusi dan persatuan ini kemudiannya menerbitkan jurnal ilmiah dalam beberapa sub bidang pengajian Melayu.

Sejak itu, mulai muncul jurnal-jurnal yang berada di tangan anak watan. Antara jurnal-jurnal era Kemerdekaan yang berkait dengan universiti ini, baik dalam bentuk penulis yang menyumbang makalah mahupun pihak yang menerbitkannya, adalah seperti berikut: *Journal of the Malayan Historical Society* (1954-1956). Kemudian, dari tahun 1957 hingga 1962 namanya ditukar menjadi *Malaya in History*. Dari tahun 1963 hingga 1985 ditukar lagi menjadi *Malaysia in History*. Sejak itu, jurnal ini tidak diterbitkan lagi.

Selanjutnya, terdapat *Journal of the Historical Society* (1960-1969/1970) (bertukar nama kepada *Jurnal Sejarah* (1970-1978); *Tanah Melayu dari segi Sejarah* (1962-1964) (bersambung sebagai *Malaysia* dari segi *Sejarah* 1967 hingga sekarang) — 1962.

Selain itu, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, juga giat menerbitkan *Jurnal Pengajian Melayu*. Jurnal ini juga pernah diterbitkan atas nama Akademi Pengajian Melayu. Kandungannya adalah pelbagai makalah ilmiah tentang bahasa dan kesusasteraan Melayu. Perkembangan Jabatan Pengajian Melayu agak baik. Pada peringkat penubuhannya pada tahun 1953, penerbitan hanya melibatkan dua kakitangan iaitu Za'ba dengan dibantu oleh Dr. De Josselin De Jong. Selepas suku abad penubuhannya, jabatan tersebut telah diketuai oleh lima orang sarjana. Pada tahun 1987 dibuat *Jurnal Pengajian Melayu* di bawah Jabatan Pengajian tersebut.

Perkembangan pengajian Melayu telah disertai usaha mendokumentasikan serta mengumpul khazanah pengkaryaan Melayu dengan terdirinya pelbagai perpustakaan khusus. Di Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba selain menghimpun pelbagai judul Malaysiana, turut menghimpun koleksi bahan alam Melayu.

## Dewan Bahasa dan Pustaka

Dewan Bahasa dan Pustaka ditubuhkan pada 22 Jun 1956. Ia mep badan rasmi pengembangan bahasa dan budaya Melayu. Matlamat DBP yang tercatat dalam Akta DBP 1959 iaitu untuk membina dan memperkaya bahasa kebangsaan dalam semua bidang termasuk sains dan teknologi; memperkembang bakat sastera, khususnya dalam bahasa kebangsaan; mencetak atau menerbitkan atau membantu dalam percetakan atau penerbitan buku, majalah, risalah dan lain-lain bentuk kesusasteraan dalam bahasa kebangsaan dan bahasa-bahasa lain; membakukan ejaan dan sebutan dan, membentuk istilah yang sesuai dalam bahasa kebangsaan; menggalakan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul; dan menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan supaya ia digunakan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Hanya dua tahun selepas penubuhannya, agensi ini menerbitkan jurnal *Dewan Bahasa* pada tahun 1957. Jurnal ini menampung memuatkan makalah khusus mengenai isu bahasa, sastera dan budaya. Kemudian, pada tahun 1979, majalah bertukar wajah dan konsep, iaitu daripada majalah umum menjadi majalah khusus tentang bahasa. Namanya pun berubah menjadi *Jurnal Dewan Bahasa*.

Pada sekitar tahun 2000, Pengurusan DBP (khususnya Jabatan Penerbitan) memutuskan agar Jurnal Dewan Bahasa diterbitkan dengan kekerapan yang dibataskan, mula-mula 4 kali setahun dan kemudian 2 kali setahun, atas alasan diperlukan masa dan ketelitian untuk menerbitkan karya-karya ilmiah. Diputuskan juga bahawa sebagai ganti untuk edisi bulanan, jurnal yang asal itu dijadikan majalah Dewan Bahasa seperti yang ada kini.

Dewan Bahasa dan Pustaka turut membantu persatuan suka rela dalam bidang keilmuan. Antaranya, Persatuan Linguistik menerbitkan Jurnal Linguistik pada tahun 1983. Sesungguhnya Dewan Bahasa dan Pustaka memberi sumbangan besar terhadap perkembangan penerbitan pelbagai majalah dan jurnal berkaitan dengan pengajian Melayu. Antara jurnal-jurnal yang diterbitkan oleh agensi kerajaan ini termasuklah *Dewan Bahasa, Jurnal Dewan Bahasa, Perisa, Malay Literature*, dan yang terbaru *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. Majalah *Dewan Sastera* sungguhpun bukanlah sebuah jurnal ilmiah sepenuhnya tetapi telah memberikan sumbangan besar dalam kesusasteraan Melayu. Majalah ini diasaskan oleh saterawan tanah air dan yang terpenting ialah Keris Mas dan Usman Awang.

### Badan Bukan-Kerajaan

Badan-badan bukan-kerajaan juga memainkan peranan dalam pengembangan jurnal pengajian Melayu. Antaranya, pada Januari 1964 diterbitkan *Penulis* dengan catatan “Majallah triwulanan berchorak sastera, budaya dan ilmu pengetahuan keluaran Persatuan Penulis Nasional (PENA).” Menurut kata pengantar editornya, penerbitan *Penulis* disokong oleh Pustaka Antara dari segi percetakan dan pemasarannya.

PENULIS berharap untuk menjadi saluran yang terpenting sa-kali bagi berbagai jenis chiptaan dan pemikiran penulis<sup>2</sup> di-negeri ini. . . . PENULIS bermaksud untuk mendampingi penulis<sup>2</sup> dan masharakat-nya dengan segala segi penghidupan di-negeri ini, dan juga segala hal yang mengenai kemajuan manusia seluroh-nya.

Sungguhpun diterbit sebagai majalah, namun demikian ia diusahakan oleh angkatan muda sarjana pengajian Melayu ketika itu terdiri daripada S. Husin Ali, Md. Taib Osman, Hassan Ahmad dan Omar Hashim. Kandungannya terdiri daripada maklumat mengenai karya sastera, resensi dan bahan-bahan umum. Kandungannya tidaklah semuanya bersifat ilmiah, sebaliknya, beradun dengan tulisan popular.

Dalam banyak perkara, keluaran pertama *Penulis* memancarkan citra penglibatan anak watan Melayu dalam dunia penerbitan jurnal ilmiah. Selain sidang redaksinya didukung oleh orang Melayu yang diklasifikasikan sebagai sarjana dalam pengajian Melayu. Amat jelas sebahagian daripada makalah di dalamnya memperlihatkan cenderung ke arah pengajian Melayu. Penyumbang makalah misalnya terdiri daripada Md. Taib Osman, Abu Bakar Hamid, Yusof Hitam, Kasim Ahmad, Tongkat Warrant dan Ali Haji Ahmad. Hampir semuanya sarjana dalam pengajian Melayu. Bahan yang paling menarik dalam keluaran pertama *Penulis* ialah memorandum kepada Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, daripada Jawatankuasa Persatuan Penulis Nasional (PENA). Memorandum ini adalah respons kepada pelawaan Jabatan Pengajian Melayu terhadap orang ramai agar menyampaikan pandangan terhadap cadangan mengatur semula kursus pengajian Melayu di Universiti Malaya.

Dalam keluaran berikutnya, lebih ramai penulis dan sarjana pengajian Melayu menerbitkan karya mereka dalam jurnal ini. Antaranya Asmah Omar, Awang Had Salleh dan Kemala.

### Universiti Kebangsaan Malaysia

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ditubuhkan pada tahun 1970. Ia turut memperkasakan penerbitan jurnal ilmiah Melayu dengan penubuhan Fakulti Sastera dan Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM). Di bawah Fakulti Sastera itu beberapa jabatan yang memainkan peranan dalam penerbitan jurnal berkait, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, dengan Melayu. Jabatan Persuratan Melayu menerbitkan *Jurnal Persuratan* seawal penubuhan UKM sendiri.

Pada 1976, IBKKM menerbitkan *Jurnal Budaya Melayu*. Menurut penerbitnya, jurnal ini:

. . . . mengundang karya-karya kritikan, laporan kajilidikan dan esei bergambar tentang kebudayaan Melayu di Malaysia, Indonesia dan Filipina serta juga negeri-negeri lain yang berkebudayaan Melayu. Istilah Melayu di sini didefinisikan seluas-luasnya. Kami juga menjemput sumbangan yang berbentuk puisi, lukisan dan prosa, yang tradisional maupun yang semasa.

Nama jurnal ini kemudiannya ditukarkan menjadi *Sari*, sebuah terbitan tak berkala. Jurnal ini masih diterbitkan secara berkala sehingga kini. Pada pertengahan 1990-an, nama Fakulti Sastera kemudiannya ditukarkan menjadi Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan (FSKK). Nama IBKKM juga kemudiannya ditukarkan menjadi Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA).

Sejak awal tahun-tahun 1970-an lagi Jabatan Persuratan Melayu telah menerbitkan *Jurnal Persuratan Melayu*. IBKKM pula menerbitkan *Sari* dan *Jurnal Budaya Melayu*. Pada bahagian kedua tahun-tahun 1990-an nama FSKK ditukarkan menjadi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK). Serentak dengan itu, nama Jabatan Persuratan Melayu juga ditukarkan menjadi Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Kesarjanaan Melayu di UKM disemarakan juga secara tidak langsung oleh beberapa jabatan yang berkaitan pengajian sosiologi dan antropologi, psikologi dan sejarah.

Perpustakaan cabang UKM di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) juga menghimpun bahan berkaitan bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Melayu. Perpustakaan UKM cabang ATMA juga menerbitkan Rumpun: Melayu – Polinesia, mulai 1990 iaitu sebuah terbitan bersiri mengandungi maklumat perkembangan koleksi terutamanya mengenai orang Melayu.

Terdapat beberapa jurnal lain seperti *Jebat*, *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*, *Nusantara*, *Akademika*, *Penyelidik*, *Psikologi* dan *Manusia dan Masyarakat* yang menerbitkan makalah mengenai pelbagai aspek berkait dengan orang Melayu.

## Perpustakaan Negara

Perpustakaan Negara Malaysia menubuhkan Pusat Manuskrip Melayu. Melalui pusat ini diterbitkan *Jurnal Filologi Melayu* mulai 1992. Menurut editornya Wan Ali (1992, v) *Jurnal Filologi Melayu* diterbitkan:

. . . supaya warisan ilmu yang terkandung dalam manuskrip Melayu dapat disebarakan dengan lebih meluas dan dimanfaatkan oleh masyarakat ramai. Jurnal ini bersifat ilmiah supaya kandungannya dapat menjadi bahan rujukan kepada para penyelidik manuskrip Melayu dan pemaparan maklumatnya lebih bererti. Judul sedemikian telah dipilih supaya skop jurnal dapat meliputi aspek-aspek yang lebih luas tetapi berkaitan dan berfaedah dalam kajian manuskrip Melayu. Penghayatan jurnal ini tidak terhad kepada pencinta sastera lama sahaja. Mereka yang berminat dengan pelbagai warisan ilmu Melayu sama ada mengenai sejarah, perubatan, agama, sastera atau lain-lain, juga boleh memanfaatkannya.

Selama 12 tahun kelahirannya *Jurnal Filologi Melayu* telah memberikan sumbangan besar kepada sarjana pengajian Melayu, khususnya filologi Melayu (Roosfa 2004). Antara yang pernah menyumbangkan karya dan makalah dalam jurnal ini ialah Siti Hawa Salleh, Wan Ali Wan Mamat, Abdul Rahman al-Ahmadi, Abu Hassan Sham, Ismail Hamid, Hashim Ismail, E.U. Kratz, Muhammad Bukhari Lubis, Raja Masittah Raja Ariffin, Umar Junus, Ding Choo Ming, Wan Mohd Saghir Abdullah, S.S. Muchlis Awali, Muhammad Yusoff Hashim, Daniel Perret dan ramai lagi. Berdasarkan nama-nama tersebut jelaslah jurnal ini telah berjaya mewujudkan suatu niche yang khusus bagi pengkaji dalam bidang filologi Melayu. Jika dilihat judul-judul yang pernah diterbitkan, sumbangan jurnal ini lebih jelas lagi terutama dalam bidang pernaknahan, kajian aksara dan batu bersurat, kajian syair dan pantun Melayu, kajian teks dan hikayat Melayu, kajian tokoh Melayu, bahasa dan linguistik Melayu yang awal dan banyak lagi.

## Universiti Sains Malaysia

Pada tahun 1976, di Universiti Sains Malaysia menerbitkan *Masakini*, sebuah jurnal kreatif dan budaya hasil kerjasama antara Universiti Sains Malaysia dengan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia. Shanon Ahmad menjadi Ketua Pengarangnya dengan dibantu oleh sidang pengarangnya, iaitu Ali Ahmad, Mustapha Kamil Yassin, Thiagarajan Kanaga Sabapathy, Wong Soak Koon dan Aziz Deraman.

*Masakini* diterbitkan dua kali setahun. Dalam editorial sulungnya, Ali Ahmad *menyatakan*:

Mengeluarkan majallah bukan popular seperti Masakini yang memuatkan hasil kreatif dan kritik bukan suatu pelaburan yang menguntungkan. Manfaatnya tentu ada – melanjutkan pemikiran manusia yang bukan stereotaip. Kesanggupan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan untuk membiayai majallah ini dan minat yang diberikan oleh pihak Universiti Sains Malaysia amatlah dihargai. Walaupun begitu ia hanya satu permulaan. Langkah-langkah yang lebih tegas

dan berencana dalam menjiwai kembali kebudayaan, kesenian dan kesusasteraan adalah amat perlu. Masakini akan terus menyumbang ke arah itu.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) memainkan peranan yang besar dalam menyediakan wadah bagi perbahahasan bagi sarjana pengajian Melayu. Hanya kira-kira setahun penubuhannya, diterbitkan *Dewan Bahasa* (1957). Kemudian, pada tahun 1989, namanya ditukar kepada *Jurnal Dewan Bahasa*. Secara umumnya, kandungan makalah-makalah di dalamnya memperkatakan pelbagai isu dan perkembangan bahasa Melayu.

Selain itu, sejak tahun 1988, DBP menerbitkan *Malay Literature* dua kali setahun. Jurnal ini berusaha memperkenalkan kesusasteraan alam Melayu dari Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei Darussalam kepada dunia luas. Sehubungan itu, makalah di dalamnya dalam bahasa Inggeris.

Pada tahun 2003, DBP menerbitkan *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. Menurut editornya:

. . . jurnal ini membicarakan isu dan pemikiran dalam pelbagai bidang di dunia Melayu. Berdasarkan penyelidikan akademik. . . . Jurnal ini merupakan wadah untuk membincangkan dunia Melayu daripada pelbagai disiplin atau pendekatan berdasarkan kajian atau penyelidikan secara ilmiah. Jurnal ini juga merupakan wadah untuk wacana dan perkembangan ilmu, khususnya dalam bahasa Melayu. Kajian atau penulisan tentang dunia Melayu merangkumi sama ada peringkat makro ataupun mikro (daerah/wilayah) dan merangkumi negara (the state) dan kelompok sosial. (Anwar Ridhwan 2003, vi)

Menurut Anwar lagi sesungguhnya, penerbitan jurnal ini membuktikan iltizam Dewan Bahasa dan Pustaka untuk terus peranannya sebagai tulang belakang perkembangan intelektual di Malaysia, dan seterusnya merangsang wacana ilmu dalam kalangan masyarakat Malaysia serta Melayu antarabangsa amnya.

### Universiti-Universiti lain

Perkembangan kesarjanaan Melayu turut berlaku di beberapa universiti lain seperti Universiti Putra Malaysia. Di Universiti Pendidikan Sultan Idris, usaha ini diperkasakan dengan penubuhan Institut Peradaban Melayu. Institut ini pada tahun 2003 mula menerbitkan *Jurnal Peradaban Melayu*.

Pelbagai wacana pengajian Melayu turut disokong beberapa pertubuhan profesional yang dianggotai sarjana pengajian Melayu. Antara lain badan-badan ini termasuklah Persatuan Linguistik Malaysia (menerbitkan *Jurnal Linguistik*), Persatuan Penterjemah Malaysia (menerbitkan *Jurnal Penterjemah*) dan pelbagai badan penulis seperti GAPENA, Pena dan lain-lain-lagi. Persatuan Bahasa Moden Malaysia mula menerbitkan *Jurnal Bahasa Jendela Alam* pada 1996.

## Senario Umum Pada hari ini

Pada hari ini, sudah terdapat sejumlah jurnal yang memberi ruang agak menggalakkan kepada pelbagai sub bidang pengajian Melayu. Malah, tidak keterlaluan untuk menyatakan menjadi satu trend jurnal dianggap saluran bagi sarjana Melayu memperkatakan pelbagai isu mengenai pengajian Melayu. Dalam bidang linguistik, antaranya, terdapat *Jurnal Dewan Bahasa, Malay Literature, Jurnal Bahasa*, dan *Jurnal Bahasa Jendela Alam*.

*Sari* menjadi forum perbahasan sejarah-peradaban Melayu. *Jurnal Filologi Melayu* merupakan pentas perbahasan dan pendokumentasian hal-hal manuskrip Melayu. *Perisa* merupakan gelanggang genre puisi Melayu.

Dua buah jurnal terbaru iaitu *Jurnal Peradaban Melayu* (terbitan UPSI) dan *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* menyediakan ruang yang lebih luas bagi perbahasan, perbincangan, penghujahan tentang pelbagai isu yang lebih luas yang bersangkutan dengan bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan serta peradaban Melayu.

Perkembangan ini dapat dikaitkan dengan pertumbuhan pelbagai jabatan, akademi, institut dan pusat yang akhir-akhir ini telah juga turut membangunkan pelbagai jurnal dalam bidang pengajian Melayu. Ini seiringan dengan kemunculan lebih banyak sarjana Melayu yang tidak terbatas dalam kalangan yang dididik dalam budaya pengajian Melayu secara formal.

Harus juga ditekankan bahawa penulisan makalah ilmiah dalam kalangan sarjana anak watan Melayu tidaklah terhad diterbitkan dalam jurnal pengajian *per se*. Sebaliknya, mereka turut menyumbangkan makalah dalam pelbagai jurnal sains sosial dan kemanusiaan. Contohnya, 7.56 peratus daripada keseluruhan makalah yang diterbitkan oleh *Akademika* sepanjang 30 tahun antara 1972-2002 adalah terdiri daripada makalah berkait dengan pengajian Melayu (Roosfa 2002). Senario ini dinyatakan juga oleh Mohd. Dahlan & Rustam (1977). Menurut beliau banyak sekali makalah dalam bidang pengajian Melayu dibuat dalam *Jurnal Antropoloji dan Sosioloji, Nusantara, Akademika, Penyelidik, Jebat, Psikologi dan Manusia dan Masyarakat*.

## Kesimpulan

Sungguhpun kesarjanaan dan pengajian Melayu di negara ini masih baru namun sejak merdeka usaha pembinaan jurnal ilmiah berkembang pada kadar yang cukup membanggakan. Pada zaman sebelum merdeka, penerbitan makalah dalam kalangan sarjana Melayu hanya dapat dilakukan dengan menumpang jurnal-jurnal yang diusahakan oleh para pentadbir kolonial seperti *JMBRAS, Bijdragen* dan *Indonesia*. Keadaan berubah dalam tempoh tiga dekad ini, jumlah jurnal ilmiah yang diusahakan oleh anak watan Melayu telah bertambah dengan agak drastik. Perkembangan ini adalah amat dipengaruhi oleh penubuhan agensi dan institusi pengajian yang memberi perhatian terhadap pengembangan pengajian Melayu. Di samping itu, perkembangan ini seiringan juga dengan kemunculan

lebih banyak sarjana Melayu dalam pelbagai bidang. Walaupun bukan dididik dalam bidang pengajian Melayu secara khusus namun mereka turut menyumbang makalah dalam jurnal bidang ini.

## Penghargaan

Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Mohamed Anwar Din Omar Din dan Belaetham Kalimuthu yang membaca dan memberi teguran pada draf awal makalah ini.

## Bibliografi

- Abdul Samad Idris. 1977. Ucapan Perasmian Simposium Kesarjanaan Melayu dlm Farid Mohd. Onn & Harun Mat Piah. 1977. *Kesarjanaan Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Blazy, H. 2000. While Reading *Tenggara*. Dlm. *Tenggara* 42: 130-53.
- Braddel, R. 1940. An introduction to the study of ancient times in the Malay Peninsula and the Straits of Malacca. *JMBRAS*. 17 (1). Hal. 1-53.
- Byrd, Cecil K. 1991. Percetakan Awal di Jajahan Selat. Terjemahan Mansor Ahmad
- Cheeseman, H. R. 1959. Bibliography of Malaya. British Association of Malaya: London, 135.
- Crawford, John . 1819. History of The Indian Archipelago: Containing An Account of The Manners, Arts, Languages, Religions, Institutions, And Commerce of its Inhabitants. Edinburgh: Printed for Archibald Constable and Co. Edinburgh; and Hurst, Robinson, and Co. Cheapside, London.
- Endicott, K.M. 1970. *An analysis of Malay magic*. Singapore: Oxford University Press.
- Farid Mohd. Onn & Harun Mat Piah. 1977. Jabatan Persuratan Melayu: Ke Arah Pemupukan Kesarjanaan Melayu. Dlm. Farid Mohd. Onn & Harun Mat Piah. 1977. *Kesarjanaan Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Farid Mohd. Onn & Harun Mat Piah. 1977. *Kesarjanaan Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Firth, Raymond. 1974. Faith and scepticism in Kelantan village magic. Dalam William R. Roff (ed). *Kelantan Religion, Society and Politics in a Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Fraser, T.M. 1960. *Rusembilan: a Malay village in southern Thailand*. Ithaca: Cornell University.
- Gimblette, J.D. 1913. Some superstition belief occurring in the theory and practice of Malay medicine. *JSBRAS*, No. 65.
- Harun Mat Piah. 1977. Jabatan Persuratan Melayu: Rancangan Masa Depan. Dlm. Farid Mohd. Onn & Harun Mat Piah. 1977. *Kesarjanaan Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

- Howison, James. 1801. A dictionary of the Malay tongue, as spoken in the peninsula of Malacca, the islands of Sumatra, Java, etc.: English and Malay, and Malay and English; to which is prefixed a grammar of that language. London: Publisher unknown.
- Khoo, Kay Kim. 1986. *Historiography of Peninsular Malaysia: Past and Present*. Dlm. *Malaysian Studies: Archaeology, Historiography, Geography, and Bibliography* disunting oleh John A. Lent and Kent Mulliner, Occasional Paper No. 11. Michigan, USA : Northern Illinois University : 87-121.
- Kratz, E. U. 2009. MALAY STUDIES – 50 YEARS ON (Opening Address of the International Seminar on ‘Britain and the Malay World. Dlm. *Indonesia and the Malay World* Vol. 37, No. 107 Month 2009, pp. 103–118.
- Lim, Huck Tee, Edward. 1975. *Problems of Publishing Scholarly Journals in Malaysia*. Dlm. *Scholarly Publishing in South-East Asia*, disunting oleh Beda Lim. Kuala Lumpur : Association of South-East Asian Institutions of Higher Learning : 57-69.
- Marsden, William. 1810. *The History of Sumatra Containing An Account Of The Government, Laws, Customs And Manners Of The Native Inhabitants*. Published by W. Marsden.
- Md. Sidin Ahmad Ishak. 1997. *Penerbitan Jurnal Ilmiah Malaysia*. Dlm. *Prosiding MAPIM 1*, edited by Md. Sidin Ahmad Ishak . Kuala Lumpur : University of Malaya Press, 1-26.
- Mohd. Dahlan Aman & Rustam A. Sani. 1977. *Sumbangan Antropologi, Psikologi dan Sosiologi Dalam Pengajian Melayu* dlm. Farid Mohd. Onn & Harun Mat Piah. 1977. *Kesarjanaan Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Mohd. Taib Osman. 1977. *Penyelidikan dan Pengajian Melayu* dlm. Farid Mohd. Onn & Harun Mat Piah. 1977. *Kesarjanaan Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Raffles, Lady Sofia. 1991 dari edisi asal 1830. *Memoir of the life and public services of Sir Thomas Stamford Raffles*. Singapore: Oxford University Press.
- Raffles, Thomas Stamford. 1817. *The History of Java, Volume 1 & II*. Tthe Bavarian State Library
- Rentse, A. 1933. “Notes on Malas beliefs.” *JMBRAS*. XL (2). Hal. 245-251.
- Rentse, Anker. 1947. “A Historical Notes on the Northern Malay States” dalam *JMBRAS*, No. Part 1. Raffles, Lady Sofia. 1991 dari edisi asal 1830. *Memoir of the life and public services of Sir Thomas Stamford Raffles*. Singapore: Oxford University Press.
- Roosfa Hashim. 2002. *Akademika 1972-2002: Pentas Kesarjanaan Sains Sosial Malaysia*. *Akademika* 61 (Julai) 2002:7-33.
- Roosfa Hashim. 2004. *Jurnal Filologi Melayu 1992-2002: Wadah Perbahasaan Manuskrip Melayu kertas kerja dibentangkan di Simposium internasional pernaskhan Nusantara, MANASSA - C-DATS Tokyo University of Foreign Studies - UIN Jakarta – YANASSA*.
- Saman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. pp. 58-59.

- Shellabear, W.G. 1902. A Malay-English vocabulary. Singapore: Publisher unknown.
- Skeat, W.W. 1900. *Malay magic: being an introduction to the folk lore and popular religion of the Malay peninsula*. London: MacMillan.
- Swettenham, F. A. 1984. *Malay sketches*. Singapore: Graham Brash.
- Tiew, W.S. (2000) Sejarah Penerbitan Jurnal Sejarah Di Malaysia 1846-1966: Satu Tinjauan Awal. *Sejarah : Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya* (8). pp. 25-44.
- Tiew, Wai Sin. 1998. History of Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS) 1878-1997: An Overview. *Dlm. Malaysian Journal of Library and Information Science*, Jilid. 4, no. 1: 43-60.
- Wan Ali Wan Mamat. 1992. Editorial. *Jurnal Filologi Melayu*, Jilid. 1.
- Wilkinson, R.J. 1903. *Kamus Jawi-Melayu-Inggeris*. Melaka: Baharuddin Joha.
- Wilkinson, R.J. 1957 cetakan 1908. The incident of Malay Life. *JMBRAS*, Vol. 30, No. 4.
- Wilkinson, R.J. 1957. Malay beliefs. *JMBRAS*. XXX (4). Hal. 1-40.
- Winstedt, R.O. 1951. *The Malay magician: being shaman, saiva, and sufi*. London: Routledge and Paul.
- Winstedt, R.O. 1961. *The Malays, a culture history*. London: Routledge and Keagen Paul.
- Winstedt, R.O. 1967 dari penerbitan asal 1957. *An unabridged Malay-English dictionary*. Kuala Lumpur: Marican & Sons (Malaysia) Ltd.
- Zainal Kling. 1977. Jabatan Pengajian Melayu Dalam Konteks Kesarjanaan Melayu dlm. Farid Mohd. Onn & Harun Mat Piah. 1977. *Kesarjanaan Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

## Lampiran

Senarai Jurnal Dan Majalah Dalam Pelbagai Bidang Pengajian Melayu Yang Terbit Di Malaysia

Judul: Dewan bahasa  
 Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka  
 Tahun: 1957-  
 Subjek: bahasa Melayu- - - terbitan berkala  
 Judul baru: Jurnal dewan bahasa (1989)-

Judul: Penulis  
 Penerbit: PENA dan Pustaka Antara  
 Redaksi: S. Husin Ali, Hassan Ahmad, Md. Taib Osman, Omar Hashim  
 Tahun: 1964  
 Catatan: majalah serius yang juga menerbitkan makalah ilmiah  
 Harga: 75 sen

Judul: Tenggara

Penerbit: Kuala Lumpur

Tahun: 1967

Subjek: Malaysian literature--Periodicals.

Malaysian literature (English)--Periodicals.

English literature--Asia, Southeastern--Periodicals.

Literature—Periodicals

Judul: Dewan Sastra

Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka

Tahun: 1971

Judul: Jurnal Budaya Melayu.

Penerbit: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti

Kebangsaan Malaysia

Tahun:1976-

Pengarang: Muhammad Haji Salleh, Teuku Iskandar Alibasjah, Ramli Isin

Subjek: Malays--Social life and customs.

Malays--Social conditions.

Malays--Economic aspects.

Judul:Masakini

Penerbit: Universiti Sains Malaysia & Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan

Tahun: 1976

Ketua Pengarang: Shanon Ahmad

Pengarang: Ali Ahmad, Mustapha Kamil Yassin, Thiagarajan Kanaga Sabapathy,

Wong Soak Koon, Aziz Deraman

KDN: 9696

Harga: \$2.50

Judul: Sari

Judul lain: Jurnal sari

Sari: terbitan tak berkala

Penerbit: Jurnal Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan

Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia

Tahun: 1995

Judul: Sari

Judul lain: Jurnal sari

Sari: terbitan tak berkala

Jurnal Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan

Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia

Penerbit: Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia

Catatan: Jurnal Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu = Journal of the Institute of Malay Language Literature and Culture  
 No. 1, 1975 issue published as: Sari; terbitan tak berkala  
 Title varies: Jld. 1 no. 1, Jurnal sari

Judul: Jurnal pengajian Melayu  
 Penerbit: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya 1989-  
 Catatan: Penerbitnya berbeza-beza: 1989- terbit di bawah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.  
 Subjek: Universiti Malaya. Akademi Pengajian Melayu --Periodicals.  
 Malay language--Periodicals.  
 Malay literature--Periodicals.

Judul: Malay literature  
 Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka  
 Tahun: July 1988  
 Editor: S. Jaafar Husin  
 Keperapan: semi-annually  
 Subjek: Malay literature--Periodicals  
 ISSN: 0128-1186  
 Harga: \$10.00

Judul: Rumpun : Melayu - Polinesia.  
 Penerbit: Perpustakaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.  
 Tahun: 1990  
 Subjek: Malaysia--Social life and customs--Periodicals.  
 Malaysia--Social life and customs--Periodicals.  
 ISSN: 0128-3146

Judul: Jurnal Filologi Melayu.  
 Penerbit: Perpustakaan Negara Malaysia  
 Tahun: 1992-  
 Subjek: Malay philology--Periodicals.  
 ISSN: 0128-6048

Judul: Perisa : jurnal puisi Melayu  
Penerbit : Dewan Bahasa dan Pustaka  
Tahun:1993  
Subjek: Malay poetry--Periodicals  
ISSN: 0128-8016

Judul: Jurnal Persuratan Melayu  
Penerbit: Jabatan Persuratan Melayu  
Tahun: 1995  
Catatan: Cuma terbit dua keluaran

Judul: Jurnal bahasa jendela alam  
Penerbit: Persatuan Bahasa Moden Malaysia  
Tahun: 1996 -  
Subjek: Languages, Modern--Periodicals  
ISSN: 1394-3936

Judul: Jurnal Bahasa  
Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka  
Tahun: 2002 -  
Subjek: Malay language--Periodicals.  
ISSN: 1511-9084

Judul: Jurnal peradaban Melayu = Journal of Malay civilisation.  
Judul lain: Journal of Malay civilisation.  
Penerbit: Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan  
Idris  
Tahun: 2003-  
Subjek: Malaysia--Civilization--Periodicals.  
Malays--Social life and customs--Periodicals.  
ISSN: 1675-4271

Judul: Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu  
Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka  
Tahun: 2003  
Ketua Editor: Zulkifli Salleh  
ISSN: 1675-6460